

29/08/1999

Kawalan tukaran wang masih perlu

Azman Abdul Hamid

KAWALAN modal berpilih dan tukaran wang asing oleh Malaysia tidak lagi mengundang kecaman seperti pada mula ia dilaksanakan 1 September tahun lalu. Sebaliknya sentimen positif disuarakan kebelakangan ini.

Pada keseluruhannya, pandangan dan analisis membabitkan cadangan dan spekulasi berunsur keluhan mengenai bila Malaysia akan menarik balik kawalan memandangkan perangkaan terbaru menunjukkan tiada lagi kemelesetan ekonomi.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, Rabu lalu mengumumkan tamatnya kemelesetan itu berikutan negara mencatat pertumbuhan ekonomi 4.1 peratus pada suku kedua tahun ini. Pertumbuhan bagi tempoh April hingga Jun itu adalah yang pertama sejak ekonomi negara mencatat penguncupan selama lima suku tahun berturut-turut bermula tempoh tiga bulan Januari-Mac tahun lalu.

Berikutan penguncupan berturut-turut itu dapat dipecahkan oleh pertumbuhan yang dicatatkan pada suku kedua tahun ini, kemelesetan dikira berakhir. (Ini adalah kerana kebanyakan pakar ekonomi menganggap sesebuah negara dikira mengalami kemelesetan jika ekonominya menguncup dua suku tahun berturut-turut.) Selesai teka-teki mengenai keberkesanan langkah pemulihan ekonomi yang dilaksana negara, kebanyakan persoalan sekarang beralih kepada kesan selepas 1 September ini apabila pelabur portfolio asing boleh mengeluarkan modal dari Malaysia tanpa dikenakan cukai keluar lagi.

Jelas, kawalan modal dan tukaran wang asing bukan lagi perkara kontroversi seperti yang dilihat apabila ia diperkenalkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu, ketika Asia dilanda kegawatan ekonomi teruk berpunca daripada kegiatan spekulator mata wang.

Apa yang berlaku sekarang ialah, hujah, pendapat dan analisis mereka yang dianggap pakar, berubah daripada menyifatkan kawalan modal dan tukaran wang asing sebagai kesilapan besar, kepada menggambarkan tindakan itu tidak sesuai untuk jangka panjang.

Antaranya, termasuk pakar ekonomi Amerika Syarikat, Paul Krugman yang ketika diwawancara CNBC, menyarankan Malaysia menamatkan kawalan modal dan tukaran mata wang pada waktu terdekat.

Tetapi, bukan Krugman saja yang meluahkan hujah itu. Jika diteliti, keluhan kebanyakan penganalisis lebih tertumpu kepada kawalan tukaran mata wang yang ditetapkan RM3.80 setiap satu dolar Amerika Syarikat.

Malah, agensi berita Reuters mendedahkan, berdasarkan kaji selidikinya, 10 pakar bank dan ekonomi yang ditemuinya, berkata nilai ringgit akan bertambah kukuh kepada RM3.48 setiap satu dolar Amerika, jika kawalan tukaran wang asing ditamatkan.

Antara keluhan yang baru-baru ini didengar - "Saya tidak fikir penetapan nilai ringgit berbanding dolar Amerika adalah penyelesaian jangka panjang," - disuarakan oleh ketua unit ekonomi firma Salomon Smith Barney di Singapura.

Selain itu, seorang peniaga mata wang di sebuah bank dipetik sebagai berkata: "Keadaan sekarang membosankan. Pelanggan kami kekurangan insentif untuk mengubah tekaan nilai mata wang."

Tetapi, Unit Perisikan Ekonomi yang berpejabat di London meramalkan nilai ringgit akan diubah pada tahun depan.

Jadi, bagi mengelakkan sebarang salah faham baru mengenai kawalan modal dan tukaran mata wang, Dr Mahathir menerangkan beberapa perkara mengapa

langkah itu belum boleh ditarik balik.

Pertama, harapan terlalu tinggi rakyat terhadap ekonomi negara yang mula pulih menyebabkan mereka leka bahawa pemulihan ekonomi menuntut dedikasi, iltizam dan kesinambungan usaha daripada mereka.

"Kita sudah menjengah keluar dari belukar tetapi kita belum lagi betul-betul keluar dari belukar itu. Kita yakin akan menyaksikan pertumbuhan sederhana tahun ini, tetapi kecacatannya masih ada," katanya.

Faktor kedua ialah halangan besar daripada negara maju yang berkepentingan mengetepikan pandangan negara kecil.

"Sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, kita tidak boleh memaksa orang membuat apa yang mereka tidak mahu lakukan.

"Lagipun, selagi sistem kewangan antarabangsa tidak diperbetulkan, negara kecil umpama perahu di lautan bergelora yang mudah karam," katanya.

Ketiga, beliau merujuk kepada penekanan kepada amalan pasaran bebas 100 peratus.

Sekurang-kurangnya ia dapat memberi pengajaran kepada spekulator mata wang terkenal, George Soros, yang tidak dapat lari daripada menanggung kerugian hingga terpaksa mengakui keburukan kegiatan spekulasi mata wang.

Minggu lalu, akhbar mendedahkan kerugian Soros selepas pelaburan Quantum Fund miliknya rugi berbilion dolar kerana kegagalan dana miliknya meramalkan naik turun nilai mata wang Euro.

Perlu juga diingat bahawa krisis mata wang memiskinkan jutaan warga Asia hingga meningkatkan masalah sosial.

Jadi, itulah sebab mengapa kawalan modal dan tukaran mata wang masih diperlukan.

Tanpanya, pemimpin dan rakyat Malaysia akan menjadi mangsa selagi kegiatan spekulator mata wang tidak dibatasi undang-undang seperti yang dikenakan pada sektor kewangan lain.

Namun, meskipun terlindung dari ketidaktentuan sekarang berikutan pelaksanaan kawalan modal terpilih dan tukaran wang asing, usahawan negara ini tidak harus mengambil pandangan bahawa mereka boleh mengambil ringan terhadap usaha untuk meningkatkan tahap daya saing masing-masing.

Kestabilan suasana perniagaan yang dikecapi sekarang seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya dengan meneliti perkara yang boleh meningkatkan lagi tahap daya saing industri tempatan. Nilai ringgit yang berdaya saing sekarang berbanding nilai mata wang serantau, memang memberi kelebihan kepada syarikat Malaysia terutama yang terbabit dengan eksport.

Namun kelebihan itu, tidak boleh dianggap berkekalan. Lambat laun apabila persekitaran antarabangsa berubah, nilai ringgit mungkin juga berubah. Berikutan itu, sektor swasta tempatan seharusnya lebih gigih melabur untuk meningkatkan daya saing mereka.

Sektor swasta juga tidak boleh mengharapkan dasar fiskal kerajaan sekarang yang menjurus kepada pengembangan boleh berterusan selama-lamanya. Setelah kerajaan menyediakan persekitaran yang sesuai dan mempelopori perkembangan ekonomi ketika kemelesetan, sektor swasta perlu sekali lagi memainkan peranan utama dengan menjadi pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan telah memainkan peranannya menjana keseluruhan permintaan yang membolehkan sektor swasta bernafas semula. Tanpanya sektor swasta tentu tidak dapat berkembang semula setelah terjejas teruk oleh krisis kewangan baru-baru ini.

Sebaik saja sektor swasta sudah beransur pulih, sektor awam boleh mengurangkan peranannya dan sektor swasta sekali lagi boleh menjadi peneraju kepada pertumbuhan ekonomi negara.

(END)